

03/05/2002

Barat guna penceramah pengaruh media

Tuan Nazuri Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Khamis - Pengamal media tempatan dinasihatkan berwaspada dengan tindakan media asing yang mahu mempengaruhi pemikiran mereka melalui penganjuran ceramah mengenai erti kebebasan akhbar mengikut acuan Barat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Senator Datuk Zainuddin Maidin, berkata kebanyakan penceramah dari negara asing itu dibayar pihak media Barat untuk mempengaruhi pengamal media tempatan menerima erti kebebasan akhbar mengikut acuan mereka.

Beliau berkata, ceramah yang dikendalikan agensi antarabangsa yang juga mempunyai cawangan di Malaysia itu bertujuan menjadikan pengamal tempatan sebagai 'anjing Barat' dan berperanan mempengaruhi pemikiran rakyat negara ini.

"Ada antara penceramah yang dibayar media Barat datang dari negara jiran seperti Thailand dan Filipina. Siapa mereka? Datang dan cuba ajar pengamal media kebebasan akhbar sedangkan negara mereka lebih teruk.

"Kita mesti sedar yang Malaysia berbeza. Kita sudah cukup segala-galanya. Tetapi mereka datang hendak mengacau kemakmuran negara kita kerana mereka dibayar oleh kuasa besar media Barat," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Forum Kebebasan Akhbar sempena Hari Kebebasan Akhbar 2002 di sini, hari ini.

Turut menyampaikan ceramah anjuran Kesatuan Wartawan Kebangsaan (NUJ) cawangan Utusan Melayu itu ialah Ketua Pengarang Kumpulan NSTP, Tan Sri Abdullah Ahmad; tokoh wartawan, Said Zahari, Editor Eksekutif Perkhidmatan AV/Foto Berita Nasional (Bernama), Azman Ujang dan Ketua Pengarang Kumpulan Nanyang Siang Pau, Hoong Soon Kean.

Zainuddin berkata, taktik penceramah asing yang dibayar pihak media Barat itu sukar dikesan dan disedari kerana berselindung di sebalik tujuan penganjuran ceramah atau kursus serta berlagak sebagai pakar media.

"Saya berharap wartawan dan agensi media tempatan sentiasa berwaspada dan sensitif berpandukan semangat kebangsaan dan mesti cepat sedar apabila ada pihak asing yang cuba mempergunakan mereka," katanya.

Beliau berkata, selain taktik ceramah, media Barat yang cemburu dengan kejayaan negara ini juga menggunakan taktik memberi anugerah kepada pengamal media sebagai pejuang kebebasan akhbar dan kebebasan bersuara.

Katanya, tujuan sebenar anugerah itu ialah menjadikan penerimanya sebagai orang suruhan atau alat untuk menyebarkan pemikiran Barat kepada rakyat negara ini menerusi media.

Dalam ucapannya, Zainuddin berkata, kebebasan akhbar di negara ini bukan saja disebabkan dasar kerajaan tetapi pengaruh pengiklanan, pengamal undang-undang, parti pembangkang dan golongan penipu yang menggunakan media bagi melindungi aktivitinya.

Beliau berkata, ketika Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilantik sebagai Perdana Menteri, beliau mengarahkan media menghentikan iklan rokok.

"Bagaimanapun, beliau menyedari pembatalan kontrak iklan akan menyebabkan media kerugian berjuta ringgit dan penanam tembakau akan kehilangan mata pencarian.

"Oleh itu, wujud iklan yang menggunakan jenama rokok tetapi memaparkan barangan lain di media cetak dan elektronik," katanya.

Katanya, kebebasan akhbar juga dipengaruhi tindakan sesetengah peguam yang berselindung di sebalik profesion mereka tetapi mementingkan keuntungan apabila menerima apa saja kes walaupun menyedari tujuan

penyiaran sesuatu berita itu demi kepentingan orang ramai.

"Ada antara peguam tidak bermoral kerana sanggup menerima kes walaupun sedar ia penipuan.

"Tindakan peguam ini memeningkan kepala ketua pengarang akhbar yang terpaksa berhati-hati bagi mengelak disaman sekali gus merugikan syarikat," katanya.

(END)